# BAB LIMA

# RUMUSAN DAN KESIMPULAN

## 5.1 RUMUSAN

Kemunculan Peradaban Islam sebagai peradaban yang gemilang pada masa dahulu merupakan satu peristiwa agung dalam sejarah dunia dan merupakan satu hakikat yang tidak dapat dinafikan. Kegemilangan ini terdapat dalam pelbagai bidang seperti sains, teknologi, ilmu pengetahuan, kesenian dan lain-lain.

Masyarakat Islamlah yang telah meninggalkan warisan yang unggul yang tidak dapat dicapai atau didahului oleh bangsa-bangsa lain. Orang-orang Islam telah melahirkan karya-karya saintifik, falsafah serta sejumlah besar kesusasteraan yang meliputi semua aspek kehidupan manusia. Mereka juga telah membina peradaban yang besar dan menguasai sejumlah besar seni halus pada zaman kegemilangan sejarah mereka.

Dalam kegemilangannya, peradaban Islam juga tidak terlepas dari cabaran dan dugaan. Peradaban Islam telah melewati dua zaman yang dashyat dalam sejarahnya (M.A.J Beg, 1981:8):

1. Pelanggaran Mongol pada abad ke 7H/13M yang mengakibatkan banyak kerosakan padanya dan memusnahkan setengah-setengah hasil kejayaan yang lebih awal.
2. Banyak negara Eropah, segera sesudah Revolusi Industri, menjajah kebanyakkan negara orang Islam sepanjang abad ke 13H, awal abad ke 14H/19M dan awal abad ke 20M. Serangan orang-orang Mongol Asia pada zaman pertengahan dan penjajahan Eropah zaman moden ke atas tanah air orang-orang Islam telah mengancam kewujudan peradaban Islam.

Dua faktor inilah yang pada mulanya telah menyebabkan kemerosotan pada warisan kesenian Islam. Selain itu kemorosotan politik negara-negara Islam dan suasananya yang mundur sepanjang abad ke 19 M juga telah menyebabkan pengikisan perlahan-lahan akan kesedaran kesenian ini (M.A.J Beg, 1981:8). Negara-negara Islam kelihatan tidak bersatu dan masing-masing berlawan di antara satu sama lain untuk menunjukkan kekuatan dan kekuasaan mereka.

Pada akhir abad ke 20 ini, juga kelihatan kesenian dalam peradaban Islam telah mengalami kekacauan. Fahaman komunisme dan sekularisme telah mula menjalar ke dalam masyarakat Islam dan cuba mempengaruhi masyarakat Islam dengan ideologi mereka. Mereka yang sememangnya cemburu dengan kegemilangan peradaban Islam juga telah menafikan bahawa kesenian Islam pada masa dahulu

telah mencapai tahap kegemilangan yang membanggakan.

Kalau dilihat dalam seni muzik contohnya, memang tidak dinafikan pada masa sekarang telah berlaku percampuran unsur-unsur dari barat yang cuba melalaikan umat Islam. Unsur-unsur ini bukan sahaja melalaikan tetapi juga merosakkan akhlak remaja hari ini.

Syeikh Muhammad Al-Ghazali, seorang sarjana Islam di Universiti al-Azhar menyebut tentang seni suara semasa hari ini sebagai tidak realistik dan tidak matlamat murni yang diredhai oleh Allah s.w.t.(Mohd Nor Mamat, 1998:18).

Justeru itu, untuk mengatasi masalah ini, perlulah anjakan ke arah paradigma yang baru agar ianya tidak tergelincir dari landasan yang sebenarnya.

Tetapi sejak akhir-akhir ini, kita mungkin berasa sedikit lega dan gembira dengan kemunculan trend baru seni suara yang lebih positif pada pandangan Islam. Penampilan kumpulan nasyid kotemporari atau semasa semakin mendapat sambutan yang hangat daripada masyarakat. Lirik lagu yang didendangkan juga semakin banyak yang cenderung ke arah bermotifkan moral yang baik, mengingati diri atau peranan tentang ajaran keagamaan.

Walau bagaimanapun, persaingan dengan lagu-lagu berirama seperti rap, rock dan dangdut dengan penampilan persembahan yang banyak terkeluar

daripada landasan agama begitu membimbangkan tetap juga wujud. Inilah yang menjadi cabaran dan kebimbangan kepada masyarakat Islam sekarang ini.

Begitu juga dalam seni kesusasteraan. Apabila pengaruh sekularisme dan kesan daripada kolonialisme telah menular ke dalam jiwa orang Islam, penghasilan kesusaateraan kita mula menampakkan ciri-ciri peniruan dan tokok tambah. Perkataan dan ungkapan juga telah lari dari maksud dan konsep kesusasteraan Islam yang sebenarnya.

Dalam bidang seni bina pula, walaupun banyak binaan-binaan baru yang dibina oleh negara-negara yang sedang membangun dan maju, tetapi apa yang menyedihkan, masjid-masjid dan tugu-tugu peringatan di bandar-bandar Islam mula roboh menjadi reruntuhan. Contohnya paling ketara adalah seperti yang berlaku di Bosnia, Kosovo dan juga pada sedikit masa dahulu di India. Binaan seni bina yang didirikan oleh Islam kelihatan diroboh begitu sahaja tanpa ada halangan daripada masyarakat Islam. Kelihatan juga di negara-negara orang Islam bangunan-bangunan gereja baru dibina oleh mubaligh-mubaligh Kristian yang cergas dengan tradisi seni bina Eropah. Seni bina Islam akan beransur-ansur merosot jika sekiranya tidak ada perlindungan yang sewajarnya dari masyarakat Islam.

Melihat dalam perkembangan seni khat pula, ianya telah mendapat perhatian yang agak memberangsangkan. Seni ini digunakan sebagai unsur perhiasan dalam buku-buku dan bangunan-bangunan Islam. Seni khat juga kelihatan muncul di

pinggan-mangkuk, barang-barang kemas dan juga logam untuk dijadikan hiasan.

Kelihatan pada masa sekarang, banyak pertandingan seni khat yang dianjurkan oleh pihak-pihak yang tertentu untuk meningkatkan kesedaran terhadap seni ini. Walau bagaimanapun ianya harus dijaga supaya tidak terkeluar daripada landasan yang sebenarnya dan dipermainkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.

Kesedaran masyarakat Islam terhadap kesenian Islam ini adalah penting. Ini adalah untuk menjamin bahawa warisan ini terus diingati dan sentiasa unggul di mata dunia. Memang terdapat usaha-usaha yang dijalankan untuk menyedari masyarakat Islam tentang kepentingan kesenian Islam. Contohnya seperti Pameran Kesenian Islam Sedunia yang dianjurkan oleh Malaysia pada tahun 1994.

Walau bagaimanapun, keunggulan kesenian peradaban Islam samada dalam bidang sastera, seni bina, seni muzik, seni khat dan lain-lain akan cuma tinggal dalam lipatan sejarah jika tidak ada usaha-usaha daripada pihak tertentu untuk menjaga warisan ini dari dimasuki pengaruh asing yang sememangnya begitu cemburu dengan kegemilangan peradaban Islam.

**Cadangan-cadangan:**

Jikalau sekiranya kita tidak dilatih untuk menghadapi pengaruh-pengaruh luar, mungkin satu hari nanti pengaruh ini akan memusnahkan satu warisan yang bernilai bagi masyarakat Islam. Bagaimanakah kita dapat membantu untuk mengelakkan pengaruh luar ini? Terdapat beberapa cara yang dapat menyumbang ke arah ini:

1. Masyarakat Islam harus mengikis prasangka negatif terhadap seni dan membuka fikiran supaya dapat menemui seni yang betul-betul dapat mengikut Syari`at islamiah.

2. Masyarakat haruslah mengetahui perbezaan di antara seni yang diterima oleh Islam dan yang tidak di terima oleh Islam.

3. Media massa juga harus memainkan peranan daalam menyediakan ruang untuk program-program kesenian, menayangkan cerita-cerita yang menunjukkan warisan kesenian Islam dan juga berperanan untuk menyedarkan masyarakat supaya cintakan kesenian Islam.

4. Buku-buku kesenian juga perlu dicetak untuk setiap lapisan umur. Bermula dari peringkat kanak-kanak sehinggalah ke peringkat dewasa. Ianya perlu diisi dan diwarnai dengan ilustrasi-ilustrasi yang menarik untuk menarik minat para pembaca.

5. Di dalam seni muzik pula, seni muzik barat yang boleh merosakkan akhlak dan melalaikan hendaklah ditolak.

6. Pihak yang berkuasa hendaklah selalu menganjurkan aktiviti-aktiviti yang bercorak kesenian Islam supaya masyarakat Islam dapat menyertainya.

## 5.2 KESIMPULAN

Peradaban yang gemilang tidak akan muncul dengan suasana pemikiran yang beku. Sebaliknya, ia akan berkembang dan subur dalam suasana yang berani, kreatif dan inovatif. Justeru itu, apabila mengkaji tentang peradaban Islam, memang tidak dapat lari dari membicarakan sudut kreatifnya sebagai salah satu ciri peradaban tersebut.

Seni merupakan satu bentuk karya yang indah dan boleh menyenangkan hati manusia. Tetapi dalam kesenian Islam, ianya mempunyai ciri-ciri yang tertentu iaitu ia mestilah sesuatu yang tidak bercanggahan dengan akhlak, syarak dan akidah Islam.

Islam tidak pernah menolak kehadiran seni. Malah, Allah menyukai seni seperti dalam Hadith Rasulullah yang bermaksud *"Sesungguhnya Allah itu Maha Indah dan menyukai keindahan"*. Walau bagaimanapun, penggunaan makhluk yang bernyawa untuk menghasilkan sesuatu seni adalah dilarang. Sebenarnya ketidakfahaman masyarakat Islam tentang kesenian menyebabkan kegiatan kesenian di kalangan masyarakat agak terbatas dan seolah-olah memberi gambaran bahawa agama tidak mendorong umatnya untuk menerokai alam kreatif.

Dalam peradaban Islam, kesenian adalah tidak dapat dinafikan kehadirannya. Kesenian mempunyai kedudukan yang tinggi dan merupakan salah

satu aspek yang menyumbangkan ke arah kecemerlangan dan kegemilangan peradaban Islam. Sesuatu kejadian sudah semestinyalah mempunyai tujuan dan peranannya tersendiri. Begitulah juga dengan kesenian Islam. Peranan yang dimainkan oleh seni Islam yang paling utama ialah kebolehannya memperkuatkan tauhid di kalangan masyarakat manusia. Melalui seni, manusia boleh melihat dan merasa keagungan Allah s.w.t.

Kesenian Islam telah meninggalkan warisannya melalui bentuk pengungkapan, tindakan dan pemikiran untuk dibanggakan. Sebagai contoh, dalam bidang seni bina. Melalui warisan inilah peradaban manusia mula wujud. Ini seperti yang ditegaskan oleh seorang sarjana Islam, Ibnu Khaldun di dalam bukunya *Mukaddimah*. Bermula dengan kehidupan di pinggir-pinggir sungai dan kemudiaannya manusia membina bangunan-bangunan untuk meneruskan kehidupan. Bangunan-bangunan inilah yang menjadi warisan yang kekal sehingga ke hari ini.

Alat komunikasi iaitu bahasa juga merupakan salah satu asas yang utama dalam pembinaan peradaban manusia. Melalui bahasalah manusia dapat berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain. Kemudian, melalui bahasa itu, ia digubah dan menjadi satu hasil karya yang begitu indah yang dipanggil sebagai kesusasteraan.

Selain daripada bahasa, tulisan juga penting untuk berkomunikasi. Daripada tulisan-tulisan piktografik (bercorak gambar), manusia telah mencipta

bentuk-bentuk tulisan yang lain. Manusia telah menggunakan akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah s.w.t untuk mengkreatifkan tulisan-tulisan tersebut. Maka lahirlah tulisan khat yang lahir dari wahyu Ilahi. Kelihatan di sini masyarakat Islam mempunyai tahap pemikiran yang tinggi dan boleh menyumbang ke arah kecemerlangan peradaban manusia.

Seni Suara juga tidak ketinggalan dalam menyumbangkan sumbangannya kepada peradaban Islam. Walau bagaimanapun, masyarakat haruslah tahu jenis seni suara yang dibenarkan oleh syarak. Melalui seni suara jugalah, Al-Qur`an boleh dibaca dengan begitu indah dan mengikut tajwid yang betul.

Selepas itu masyarakat Islam terus mencipta sesuatu berdasarkan imiginasi dan sifat kreatif yang dikurniakan oleh Allah kepada mereka. Mereka telah mencipta corak *arabesque* yang bermotifkan tumbuh-tumbuhan dan lukisan geometri untuk menggantikan larangan terhadap penggunaan makhluk yang bernyawa. Seterusnya masyarakat Islam telah melangkah lagi ke hadapan dengan mencipta permaidani, tekstil dan juga tembikar yang dihiasi dengan kaligrafi Islam yang indah untuk dijadikan hiasan.

Seterusnya, kesenian Islam terus berkembang dan mempengaruhi ke dalam peradaban-peradaban dunia yang lain. Kelihatan di sini, Peradaban Islam banyak menyumbangkan hasil seni kepada peradaban dunia lain terutamanya kepada peradaban Barat. Seharusnyalah Barat berterima kasih kepada masyarakat

Islam kerana daripada hasil seni Islam, mereka dapat menikmati kemajuan yang ada pada masa sekarang ini.

Memang tidak disangkalkan lagi bahawa seni dalam peradaban Islam mempunyai kedudukan yang tinggi. Melaluinya, kita dapat merasai kebesaran dan keagungan Allah. Setiap warisan seni yang agung ini, tidak dapat lari dari konsepnya yang berteraskan tauhid iaitu ciri kesatuan atau kesepaduan yang telah memberi sumbangan yang banyak untuk kegemilangan dan kecemerlangan peradaban Islam.